



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Institut  
Pengajian Siswazah

# PGS POST

VOLUME: 1

JULY 2025



# MAJLIS PERPISAHAN PROF IR DR ZUHAINA ZAKARIA



Pada 30 April 2025, satu majlis perpisahan telah diadakan bagi meraikan Prof. Ir.Dr. Zuhaina Haji Zakaria, selaku Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPSiS). Majlis ini berlangsung di Platform 19 Shah Alam dengan kehadiran semua kakitangan Institut Pengajian Siswazah (IPSiS).

Prof. Ir.Dr. Zuhaina Haji Zakaria telah berkhidmat di IPSiS selama 4 tahun dan dikenali sebagai seorang pemimpin yang adil, penyayang, dan berdedikasi tinggi. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau sentiasa menjaga kebajikan kakitangan dan menjadi sumber inspirasi kepada ramai. Ramai yang menganggap beliau bukan sahaja sebagai ketua, tetapi juga sebagai mentor dan sahabat.

Majlis dimulakan dengan ucapan penghargaan daripada Puan Zuraini binti Mohamed Idris, Penolong Pendaftar Kanan IPSiS, diikuti dengan tayangan video kenangan yang menyentuh hati. Prof. Ir.Dr. Zuhaina Haji Zakaria, turut memberikan ucapan ringkas penuh nasihat dan harapan. Suasana menjadi hiba apabila ramai tidak dapat menahan air mata mengenangkan jasa beliau.

Sebagai tanda kenangan, Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) telah menyampaikan hadiah sebagai penghargaan kepada beliau. Majlis diakhiri dengan jamuan ringan dan sesi bergambar.

Perpisahan ini sememangnya meninggalkan kesan mendalam kepada kami semua Prof. Ir.Dr. Zuhaina Haji Zakaria, akan sentiasa dikenang sebagai ketua yang luar biasa dan disenangi.

